

## RM11 juta kompaun terhadap 987 majikan gagal patuhi Akta 446

Oleh Hamzah Osman - Mei 18, 2022 @ 6:00pm  
bhnews@bh.com.my



Timbalan

Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim (dua dari kanan) bertanya sesuatu kepada petugas pengurusan ketika membuat pemeriksaan sempena Op Penguatkuasaan Khas Bersepadu Akta 446 di kuarters sebuah hotel di Kuah, Langkawi. STR/HAMZAH OSMAN

LANGKAWI: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengeluarkan kompaun berjumlah RM11 juta terhadap 987 majikan yang gagal mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Dalam tempoh sama, sejumlah RM1 juta denda dikenakan terhadap 148 majikan bagi kesalahan sama.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim, berkata kompaun dikenakan ke atas majikan terbabit selepas mereka gagal dalam pematuhan Akta 446.

Beliau berkata, dalam tempoh sama juga, JTKSM melakukan pemeriksaan ke atas 42,968 majikan dengan membabitkan 176,486 penginapan.

"Sebanyak 1,427 kertas siasatan telah dibuka dan 148 daripadanya diambil tindakan pendakwaan membabitkan jumlah denda sebanyak RM1 juta.

"Sementara 987 lagi diberikan izin kompaun membabitkan tawaran kompaun berjumlah RM11 juta," katanya pada sidang media selepas menyertai Op Penguatkuasaan Khas Bersepadu Akta 446 di sini, hari ini.

Awang berkata, bagi Kedah, sebanyak 2,269 majikan telah diperiksa oleh JTKSM yang membabitkan 7,455 penginapan dalam tempoh sama.

"Sebanyak 88 kertas siasatan dibuka dan 11 daripadanya mendapat izin dakwa dan dikenakan denda berjumlah RM49,000, manakala 77 lagi mendapat izin kompaun berjumlah RM585,000.

"Kementerian akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap semua akta bawah bidang kuasa tidak kira dalam apa juga sektor dan tanpa sebarang kompromi," katanya.